

# **Kempen derma darah HEP KUTKM, Hospital Melaka**

**Archival News | Utusan Malaysia | 11/09/2002**

**AKTIVITIPENDIDIKAN** Di sana sini

PEJABAT Hal Ehwal Pelajar (HEP) Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) dengan kerjasama Hospital Besar Melaka, baru-baru ini mengadakan Kempen Derma Darah bagi membantu bekalan tabung darah di hospital negeri

Program yang bermula bulan Julai lalu akan berterusan sehingga bulan Disember ini.

Program menderma darah ini akan diadakan pada setiap hari Rabu kedua dan keempat setiap bulan pada jam 2 hingga 5 petang bertempat di Dewan Kuliah, KUTKM.

Sambutan yang diterima sehingga kini adalah menggalakkan terutamanya daripada pelajar dan juga staf KUTKM.

(Source : Utusan Malaysia)